

# KPM bangun aplikasi buku teks secara digital

**Kuala Lumpur:** Agensi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Perbadanan Kota Buku (PKB) membangunkan aplikasi *KPM eTextbook Reader* bagi memudahkan murid mendapatkan buku teks sekolah secara digital.

Menerusi kenyataan semalam, KPM memaklumkan aplikasi itu, sekali gus memberi akses buku teks sekolah secara digital kepada murid yang akan memulakan sesi persekolahan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula semalam hingga 26 Januari.

*KPM eTextbook Reader* membantu murid memuat turun buku teks digital melalui penyediaan piawai fail EPUB iaitu format fail standard terbuka untuk buku digital yang lebih ringan dan serasi dengan peranti mudah alih.

“Aplikasi boleh didapati percuma melalui laman sesawang [www.textbook.moe.gov.my](http://www.textbook.moe.gov.my) atau boleh terus dimuat turun melalui Google Play Store atau Apple App Store dengan carian *KPM eTextbook Reader*,” katanya.

Mengulas lanjut, KPM menyatakan aplikasi itu membolehkan murid mengakses buku teks digital menggunakan telefon pintar dan tablet pada bila-bila masa dan di luar sekolah serta kediaman untuk sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Katanya, capaian internet tidak diperlukan selepas aplikasi dimuat turun dan aplikasi *KPM eTextBook Reader* juga boleh menjadi penyelesaian masalah beg sekolah berat serta mengurangkan kos mencetak buku teks.